

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PSC - NAVAL DOCKYARD SDN. BHD.
LUMUT, PERAK
(199902 - K)


NUR FADZILLAH BINTI MOHD YUNUS

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2004

1100032953 4n:1918

PERPUSTAKAAN KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)			
Pengarang Nur Fadillah binti Mohd Yunus		No. Panggilan LP12 PPE	
Judul Industri di psc- Naval dockyard . . .		2004	
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PSC - NAVAL DOCKYARD SDN. BHD.
LUMUT, PERAK
(199302 – K)**

Disediakan oleh

**NUR FADZILLAH BINTI MOHD YUNUS
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2004

1100032953

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya **NUR FADZILLAH BINTI MOHD YUNUS**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama : NUR FADZILLAH BINTI MOHD YUNUS

Tarikh : 14 OKTOBER 2004

Disahkan Oleh :



ENCIK MADZLI BIN HAJI HARUN

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya serta izin-Nya dapat saya menyempumakan “Laporan Latihan Industri” mengikut syarat dan tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM. Latihan Industri merupakan salah satu syarat utama yang melayakkan mahasiswa bergraduat dengan cemerlangnya.

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan serta jutaan terima kasih kepada penyelia industri utama iaitu Encik Madzli Bin Haji Harun yang telah sudi meluangkan masa memberi bantuan, nasihat serta tidak lokek memberikan tunjuk ajar, ilmu pengetahuan malah teguran membina sepanjang proses sehingga terhasillah “Laporan Akhir Latihan Industri” dengan jayanya hasil perbincangan bersama.

Di samping itu, pelatih turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak PSC-Naval Dockyard Sdn. Bhd.(PSC-NDSB) Lumut, Perak yang telah memberikan peluang berharga kepada saya untuk menimba ilmu dan pengalaman dalam bidang yang dipeloporinya iaitu industri berat (pembaikan dan penyelenggaraan kapal-kapal). Pelatih berpeluang menjalani “Latihan Industri” selama 3 bulan (12 minggu) iaitu bermula dari 22hb. Mac 2004 sehingga 12hb. Jun 2004 tanpa mengalami sebarang masalah dan kesulitan. Peluang yang diberikan dimanfaatkan sepenuhnya di mana ia merupakan langkah permulaan bagi saya mengaplikasikan dan menggabungkan antara teori dan praktikal untuk diserapkan ke alam pekerjaan sebenar. Ini merupakan

pakej utama yang perlu diberikan penekanan khusus sebagai persediaan menempuh ke alam realiti pekerjaan.

Bukan sekadar itu, penghargaan terima kasih kepada Encik Mohktar Bin Ahmad (Training Coordinator – Marine Technology Academy (PSC-MTA)), Encik Abdullah Bin Ali (Head of Trade & Skill Training Sector – (PSC-MTA)), Encik Rosli Bin Mazlan (Assistant Manager, Head of QA/QC Department – Shiprepair Division), Mr. Yeap Chin Huat (QA/QC Department), Encik Razak Bin Jaafar (Dockmaster Unit), Ismail Bin Rashid (HSE Supervisor) dan Encik Wan Kamarul Farokh Bin Wan Ahmad (Senior Executive, Recruitment Unit Human Resource and Administration Department) yang telah memberikan kerjasama dan tunjuk ajar di setiap lokasi yang telah ditempatkan di sepanjang latihan industri. Bahkan tidak ketinggalan kepada warga kerja bengkel PSC-NDSB yang banyak memberikan sokongan dan tunjuk ajar apabila menghadapi masalah dalam tugas yang diamanahkan.

Penghargaan terima kasih juga diberikan kepada kedua ibubapa dan kaum keluarga serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan semangat dan sokongan moral dalam menyempurnakan Laporan Latihan Industri.

Akhir kata, pelatih juga merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Latihan Industri, kakitangan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM di atas penglibatan dan kerjasama daripada semua pihak dalam memastikan perjalanan Latihan Industri berjalan dengan lancar.

ISI KANDUNGAN

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
	PENGHARGAAN	ii
	SENARAI RAJAH	vii
	RINGKASAN EKSEKUTIF	viii

BAB 1

1.0	LATAR BELAKANG PSC-NAVAL DOCKYARD SDN.BHD (PSC-NDSB), LUMUT, PERAK	1
1.1	LATAR BELAKANG PSCND-SB	1
1.1.1	MISI ORGANISASI	2
1.1.2	VISI DAN MATLAMAT	3
1.2	KEKUATAN PSCND-SB	4
1.3	MAKLUMAT ORGANISASI (PSC-NDSB)	6
1.4	OPERASI PERKHIDMATAN DAN ORGANISASI PSC-NDSB	8
i)	BAHAGIAN PEMBAIKAN KAPAL	9
ii)	BAHAGIAN SENJATA	10
iii)	BAHAGIAN PEMBINAAN KAPAL	11
iv)	BAHAGIAN ELEKTRONIK	11
v)	BAHAGIAN KEJURUTERAAN	12

vi)	BAHAGIAN KAPAL SELAM	12
vii)	BAHAGIAN PERKHIDMATAN SOKONGAN	13
1.5	KEMAHIRAN YANG INGIN DIPELAJARI DAN DIPRAKTIKKAN	14

BAB 2

2.0	PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN	17
2.1.0	SISTEM DALAM UNIT “DOCKMASTER”	17
2.1.1	PENGENALAN UNIT “DOCKMASTER”	17
2.1.2	PROSEDUR DALAM UNIT “DOCKMASTER”	21
2.1.3	PENEMUAN KAJIAN	26
2.1.4	MENGENALPASTI MASALAH	26
2.2.0	SISTEM DALAM UNIT PEMBAIKAN ENJIN	39
2.2.1	PENGENALAN DAN OBJEKTIF UNIT PEMBAIKAN ENJIN	39
2.2.2	PROSEDUR DALAM UNIT PEMBAIKAN ENJIN	42
2.2.3	PENEMUAN KAJIAN	46
2.2.4	MENGENALPASTI MASALAH	46

2.3.0	SISTEM DALAM PENGURUSAN PROJEK PEMBAIKAN KAPAL (SEKSYEN ERDL / NOOR – KAPAL TLDM)	58
2.3.1	PROSEDUR DALAM : “SHIPREPAIR PROJECT MANAGEMENT” (ERDL / NOOR)	58
2.3.2	PENEMUAN KAJIAN	62
2.3.3	MENGENALPASTI MASALAH	62

BAB 3

3.0	CADANGAN KESELURUHAN DAN PENUTUP LAPORAN LATIHAN INDUSTRI	77
3.1.0	CADANGAN KESELURUHAN	77
3.2.0	PENUTUP	79
	RUJUKAN	80
	<u>LAMPIRAN</u>	82

SENARAI RAJAH

PERKARA	MUKA SURAT
RAJAH 2.1 PROSEDUR CARTA ALIRAN UNTUK AKTIVITI “DOCKMASTER”	20
RAJAH 2.2 PROSEDUR CARTA ALIRAN BENGKEL PEMBAIKAN ENJIN KAPAL	40
RAJAH 2.3 CARTA ALIRAN SHIPREPAIR PROJECT MANAGEMENT PROCEDURE (ERDL/NOOR SECTION-RMN SHIP)	61

RINGKASAN EKSEKUTIF

Secara umumnya, Latihan Industri yang dilaksanakan oleh pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) merupakan salah satu kursus wajib sebagai syarat utama yang melayakkan para siswa dan siswi bergraduat dengan cemerlang.

Pelatih telah menjalani Latihan Industri di PSC-Naval Dockyard Sdn. Bhd. di Lumut, Perak selama 12 minggu iaitu bermula pada 22 Mac 2004 sehingga 12 Jun 2004. Sepanjang tempoh pelatih menjalani Latihan Industri, pelatih telah ditempatkan di beberapa lokasi iaitu di bahagian pengurusan dan operasi. En. Rosli Mazlan dan Mr. Yeap Chin Huat, (Jabatan QA/QC, Shiprepair Division) bertindak sebagai penyelia pelatih sepanjang menjalani praktikal. Lokasi-lokasi tersebut ialah Quality Control & Quality Assurance (QA/QC), Health, Safety & Environment (HSE), unit Dockmaster, Jabatan Sumber Manusia (HRD-PSC), Shipbuilding dan Marine Academy Technology (MTA).

PSC-Naval Dockyard (PSC-NDSB) dahulunya dikenali Royal Malaysian Naval Dockyard (RMN-Dockyard) merupakan salah sebuah anak syarikat milik Business Focus Sdn. Bhd. di mana Tan Sri Amin Shah Bin Hj. Omar Shah selaku pengerusi eksekutifnya. PSC-NDSB merupakan salah sebuah syarikat perkapalan yang menjalankan aktiviti dan operasi menyelenggara, membaik pulih dan membaiki serta membina kapal serta system terutamanya kapal-kapal TLDM dan komersil. Selain itu juga, PSC-NDSB juga turut dijadikan pusat latihan kepada pelajar kejuruteraan dan tentera laut untuk mempraktikkan kemahiran yang dipelajari.

Sepanjang pelatih menjalani latihan industri di PSC-NDSB, pelatih telah diberikan pendedahan meluas mengenai sektor pembaikan dan perkapalan. Pelatih telah diperkenalkan dengan beberapa system kerja yang mewakili

prosedur kerja yang berlainan di setiap bahagian dan unit. Matlamat utama pelatih adalah untuk mengenalpasti masalah yang berlaku di setiap lokasi dan persekitaran system kerja yang diamalkan di limbungan ini. Berdasarkan masalah yang diperolehi, pelatih akan menganalisis dan kenalpasti punca dan kesan masalah serta memberikan cadangan dan langkah untuk mengatasi dan mencegah masalah tersebut daripada berulang.

Pelatih telah menganalisis 3 jenis system kerja di 3 lokasi yang berlainan iaitu unit “dockmaster”, unit pembaikan kapal dan “shiprepair project management” (ERDL/NOOR). Masalah yang dikenalpasti di unit “dockmaster” ialah jangka hayat peralatan teknikal melebihi tempoh penggunaan, keluasan tapak yang terhad, pekerja kurang menitikberatkan soal keselamatan di tempat kerja. Manakala di unit pembaikan kapal pula adalah masalah kelewatan penghantaran komponen alat ganti (spares), harga komponen alat ganti terlalu mahal dan kurang berkualiti serta kekurangan bilangan pembekal material (alat ganti). Selain itu, “shiprepair project management (ERDL/NOOR) pula mengalami masalah projek lambat disiapkan mengikut tempoh yang dijangkakan, masalah bidang kerja (workscape), masalah pergantungan dengan pakar-pakar asing dan tahap kemahiran dan pengetahuan yang rendah dan pendedahan tentang kemahiran.

Berdasarkan analisis masalah yang dilakukan oleh pelatih, pihak PSC-NDSB dapat memperbaiki segala kelemahan dan masalah yang timbul untuk terus mengekalkan prestasi dan kemajuan organisasi dalam bidang perindustrian maritime negara. Sekaligus, masalah yang timbul ini wajar diberikan perhatian oleh pihak limbungan dengan kerjasama daripada semua pihak bagi mengatasi masalah ini daripada terus berulang tanpa tindakan selanjutnya.